



### HUKUM AL-QARD AL-HASAN

☞ Hukum pelaksanaan Qard hasan adalah **sunat**

### RUKUN AL-QARD

1. Pemiutang (orang yang memberikan pinjaman)
2. Penghutang/peminjam
3. Barang yang dipinjam
4. Sighah (lafaz ijab dan qabul)

### OBJEKTIF PELAKSANAAN AL-QARD AL-HASAN

- ☞ Membantu golongan yang memerlukan.
- ☞ Merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang kaya dan miskin melalui pengagihan kekayaan dan sumber dalam masyarakat.
- ☞ Memupuk semangat persaudaraan, keprihatinan, ehsan dan saling bantu membantu di kalangan umat Islam.
- ☞ Mendapat keberkatan dan ganjaran berterusan di dunia dan akhirat.

### PRINSIP UMUM KETIKA BERHUTANG

- ☞ Setiap hutang yang dibuat hendaklah ditulis bagi memastikan pihak-pihak yang berkontrak khususnya penghutang menyedari komitmen dan obligasi masing-masing untuk membayar kembali hutang tersebut dan merekodkan pembayaran yang dibuat bagi mengelakkan berlakunya penipuan.
- ☞ Tidak boleh mengenakan sebarang bayaran tambahan terhadap pinjaman yang diberikan atas sebab kelewatan membuat pembayaran balik hutang meskipun telah dipersetujui atau disyaratkan di awal kontrak.

### BANTUAN KEPADA GOLONGAN ASNAF

☞ Fungsi institusi zakat begitu signifikan bagi mewujudkan keseimbangan dalam aspek sosial dan ekonomi dalam masyarakat iaitu golongan yang berkemampuan mengeluarkan zakat bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik

### GEJALA CETI HARAM

☞ Kegiatan ceta haram atau ah long secara jelas bertentangan dengan ajaran Islam kerana mengandungi unsur riba dengan mengenakan bayaran bunga atau faedah serta tidak telus terutama sekali dalam aspek struktur pinjaman dan pembayaran balik

### KESIMPULAN

- ☞ Islam merupakan agama yang telah menyediakan hamparan jalan kehidupan yang syumul dengan menganjurkan umatnya bijak menguruskan kehidupan termasuk dalam aspek pengurusan kewangan.
- ☞ Tabiat gemar berhutang wajar dihindari kerana kesannya mengakibatkan seseorang itu hidup dalam kegusaran, kerisauan dan tertekan sehingga menjejaskan kerukunan institusi kekeluargaan serta merenggangkan hubungan persaudaraan dan persahabatan.
- ☞ Umat Islam dianjurkan untuk menjalani kehidupan secara bersederhana dan bersyukur dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah atas daya usaha masing-masing.

### KESIMPULAN (cont)

- ☞ Islam telah mensyariatkan instrumen pemberian pinjaman kewangan yang tidak membebankan pengguna menerusi prinsip al qard al-hasan.
- ☞ Pelan pinjaman al-qard al-hasan wajar diketengahkan dan diperluaskan lagi pelaksanaannya sebagai salah satu asas dalam menggerakkan sistem ekonomi Islam yang bebas daripada elemen riba.